

Angka Giliran : _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2003/2004

April 2004

JKE 317/318 – Perdagangan Antarabangsa

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan di atas buku soalan ini.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

...2/-

Soalan 1 (15 markah)

Apakah yang dimaksudkan dengan kesan pertumbuhan '*immiserizing*' ke atas perdagangan sesebuah negara? Adakah jenis pertumbuhan ini menguntungkan masyarakat negara tersebut?

Soalan 2 (12 markah)

(a) Jelaskan maksud kadar perlindungan tarif berkesan.

(4 markah)

(b) Kadar perlindungan tarif berkesan (e) boleh dihitung berdasarkan persamaan yang berikut:

$$e = [t - a.t_i] \div [1 - a]$$

t ialah kadar tarif terhadap barangan akhir

ti ialah kadar tarif terhadap input pertengahan

a ialah nisbah kos input pertengahan kepada kos barangan akhir tanpa tarif

Berasaskan maklumat dalam jadual di bawah, dapatkan kadar perlindungan tariff berkesan (e) untuk barangan A, B dan C. Barangan manakah harus anda keluarkan sekiranya anda ingin mendapat perlindungan yang tertinggi. Jelaskan.


Barangan	t	ti	a
A	30%	30%	0.2
B	30%	20%	0.2
C	20%	30%	0.2

(8 markah)

...4/-

Soalan 3 (13 markah)

Rajah yang berikut menunjukkan pasaran barangan X di sebuah negara kecil yang telah mengenakan tarif terhadap import barangan X pada kadar w seunit. Apakah kehilangan bersih yang terpaksa ditanggung oleh masyarakat negara itu? Terangkan.



...5/-

Soalan 4 (20 markah)

Terangkan dan lukiskan graf yang menunjukkan kesan penggunaan, pengeluaran dan jumlah impot pasaran Y hasil daripada tarif impot dan kesan subsidi pengeluaran. Polisi manakah yang lebih efisien jika objektif kerajaan adalah untuk mengalakkan pengeluaran domestik barangan Y?

Soalan 5 (24 markah)

Terangkan perbezaan diantara:

(a) cukai eksport dan menghadkan eksport secara sukarela (VER)

(8 markah)

(b) Teorem Stolper-Samuelson dan Teorem Rybczynski

(8 markah)

(c) Kesan alihan dan ciptaan dagangan hasil daripada kesatuan kastam

(8 markah)

...9/-

Soalan 6 (16 markah)

Pada tahun 2005 industri kereta akan dimasukkan dalam AFTA (ASEAN Free Trade Area). Secara teori jika kerajaan Malaysia tidak mengambil apa-apa langkah selanjutnya, terangkan kesan ke atas penggunaan, pengeluaran dan harga domestik pasaran kereta di Malaysia? Lukiskan graf yang menunjukkan keuntungan yang akan dinikmati oleh masyarakat Malaysia. Dalam keadaan sebenar, apakah langkah-langkah yang bakal diambil oleh kerajaan untuk melindungi industri tersebut pada 2005?